

Tarikh Dibaca: 18 JAN 2019M | 12 JUMAD AL-ULA 1440H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MEMBUDAYAKAN HIDUP DENGAN AL-QURAN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)**
**Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)**
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)**
**Timbalan Mufti,
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)**
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Mat Isa (Ahli)**
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)**
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“MEMBUDAYAKAN HIDUP DENGAN AL-QURAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sedaya upaya mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang muttaqin.

Pada hari yang mulia ini marilah kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk “MEMBUDAYAKAN HIDUP DENGAN AL-QURAN”.

Hadirin yang berbahagia sekalian,

Al-Quran merupakan kitab agung umat Islam yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Membacanya dikira ibadah dan

¹ Al-Kahfi : 13.



beramal dengan segala hukum di dalamnya adalah satu kewajipan. Daripada Ibnu Mas'ud Radhiallahu Anhu berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ.
وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ: أَلَمْ حَرْفٌ وَلَكِنْ
أَلِفٌ حَرْفٌ، وَوَلَامٌ حَرْفٌ، وَمِيمٌ حَرْفٌ.

"Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah, maka baginya satu kebaikan. Dan satu kebaikan itu sama dengan sepuluh kali ganda. Aku tidak mengatakan alif lam mim itu satu huruf. Tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf."

(Riwayat Al-Tirmidzi).

Begitulah besarnya pahala yang dijanjikan kepada orang yang membaca al-Quran. Apatah lagi kepada orang yang menghafaz al-Quran. Namun mimbar pada hari ini ingin mengajak para hadirin untuk bermuhasabah. Berapakah bilangan ayat al-Quran yang kita baca dalam sehari semalam? Dan bilakah kali terakhir kita mengkhatamkan bacaan al-Quran?

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Beruntunglah orang-orang yang membaca al-Quran pada setiap hari. Berbahagialah mereka yang menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan harian. Maka rugilah orang yang tidak mengamalkan al-Quran dalam kehidupannya malah lebih rugi lagi jika ada yang masih tidak tahu membaca al-Quran serta mengabaikannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 89 hingga 91:



وَقُلْ إِنِّي - أَنَا النَّذِيرُ الْمُبِينُ ﴿٨٩﴾ كَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى
الْمُقْتَسِمِينَ ﴿٩٠﴾ الَّذِينَ جَعَلُوا الْقُرْآنَ عِضِينَ ﴿٩١﴾

“Dan katakanlah: “Sesungguhnya aku ini adalah seorang Rasul pemberi amaran dengan bukti-bukti yang nyata (tentang turunnya azab ke atas orang-orang yang ingkar)”. (Kami berikan kepadamu al-Fatihah dan al-Quran) samalah seperti Kami menurunkan (Kitab-kitab) kepada orang-orang yang membahagi-bahagi. (laitu) mereka yang menjadikan al-Quran terbahagi kepada beberapa bahagian (lalu mereka percaya kepada sebahagian dan menolak sebahagian yang lain).

Apa yang berlaku sekarang ini terdapat segelintir individu yang sering memberikan alasan sibuk dan tiada masa untuk membaca al-Quran, sebaliknya sanggup menghabiskan masa berjam-jam lamanya melayan media-media sosial seperti *facebook, whatsapp, Instagram* dan lain-lain. Lebih malang lagi ada segelintir masyarakat yang sikapnya suka mempertikaikan amalan membaca al-Quran pada malam-malam tertentu.

Muslimin yang berbahagia,

Dalam usaha untuk membudayakan pembacaan al-Quran dalam kehidupan ini, janganlah kita berasa rendah diri sekiranya tidak mahir membaca al-Quran. Sebaliknya kita mestilah sentiasa mencari ruang untuk mempelajari al-Quran dan ilmu-ilmu yang terkandung di dalamnya. Bahkan amalan bertadarrus al-Quran adalah antara salah satu ruang yang terbaik untuk kita memperbaiki kesalahan dan meningkatkan kualiti bacaan al-Quran kita.

Saidatina Aisyah Radhiallahu Anha meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:



الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ مَاهِرٌ بِهِ مَعَ السَّفَرَةِ
الْكِرَامِ الْبَرَّةِ. وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ يَتَتَعَّعُ
فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ.

“Orang yang membaca al-Quran dan dia mahir membacanya, dia bersama dengan para malaikat yang mulia. Dan orang yang membaca al-Quran dengan teragak-gagak (tidak mahir) serta sukar membacanya, baginya dua pahala.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Oleh itu kita hendaklah sentiasa berusaha untuk berdamping dengan al-Quran, mempelajari dan mendalami ilmu-ilmunya melalui program-program yang dianjurkan oleh pihak masjid atau surau seperti kelas Talaqqi, Tadabbur, Tajwid dan sebagainya yang merupakan satu usaha membudayakan al-Quran dalam kehidupan.

Firman Allah SWT dalam surah Fathir ayat 29:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ

“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapakan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.”



Hadirin yang berbahagia sekalian,

Syeikh Muhammad Al-Ghazali dalam bukunya 'كَيْفَ تَتَعَامَلُ مَعَ الْقُرْآنِ' (Bagaimana Berinteraksi dengan Al-Quran)' menjelaskan bahawa umat Islam perlu membudayakan al-Quran dalam kehidupan seharian. Membudayakan bacaan al-Quran dari sudut membacanya, memahami maknanya dan beramal dengan segala isi kandungannya. Hal ini perlu dimulakan dari rumah, sekolah dan berterusan ke tempat-tempat kerja. Begitu juga dalam organisasi-organisasi dan pertubuhan-pertubuhan belia, kerajaan mahupun swasta.

Budaya bertilawah dan bertadarrus al-Quran yang semakin berkembang dalam kalangan masyarakat perlu diteruskan. Ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak mahir membaca al-Quran dengan mengajar mereka atau menghantar ke kelas-kelas pengajian al-Quran.

Muslimin yang berbahagia,

Untuk meneruskan pembudayaan tilawah al-Quran dalam kehidupan, kerajaan Negeri Selangor akan menganjurkan majlis tilawah al-Quran peringkat Negeri Selangor yang akan berlangsung pada 22-25 Januari 2019 di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Kerajaan negeri juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penyumbang wakaf, melalui Perbadanan Wakaf Selangor kerana telah mewakafkan al-Quran kepada Sekolah-sekolah Rendah Agama dan KAFA di bawah kawalan Jabatan Agama Islam Selangor.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati beberapa perkara berikut:



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa al-Quran adalah peraturan hidup yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia.
2. Umat Islam hendaklah menjadikan al-Quran itu panduan hidup dengan membaca, memahami dan mengamalkan isi kandungannya.
3. Umat Islam hendaklah takut kepada ancaman dan amaran Allah SWT jika menjauhi dan meninggalkan al-Quran.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَقَالَ الرَّسُولُ يَا رَبِّ إِنَّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا



"Dan berkatalah Rasul: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini satu perlembagaan yang ditinggalkan, tidak dipakai."

(Surah al-Furqan : 30).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Azman/Nurul

07.01.2019



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدٍ سَلَاطُورُ،
تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا،
مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
